



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA NOVEMBER 2024

Inflasi Malaysia meningkat 1.8 peratus pada November 2024

PUTRAJAYA, 20 Disember 2024 - Inflasi Malaysia meningkat 1.8 peratus pada November 2024 dengan mata indeks mencatatkan 133.3 berbanding 130.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), NOVEMBER 2024**.

Peningkatan inflasi pada November 2024 telah didorong oleh peningkatan lebih perlahan bagi kumpulan utama Kesihatan (1.2%) dan Pengangkutan (0.4%). Manakala, inflasi Makanan & Minuman meningkat pada kadar lebih tinggi 2.6 peratus berbanding 2.3 peratus pada bulan Oktober 2024. Selain itu, kumpulan utama Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain turut menunjukkan peningkatan lebih tinggi pada November 2024, 3.2 peratus (Oktober 2024: 3.1%).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa inflasi Maklumat & Komunikasi terus menurun kepada negatif 3.9 peratus pada November 2024 (Oktober 2024: -1.7%). Ini disebabkan oleh penurunan inflasi subkumpulan utama Perkhidmatan maklumat & komunikasi pada negatif 4.4 peratus (Oktober 2024: -1.8%). Pakaian & Kasut kekal berada dalam jajaran negatif iaitu negatif 0.3 peratus (Oktober 2024: -0.2%). Sementara itu, Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.4%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.8%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (2.0%); Pendidikan (1.5%); Minuman, Alkohol & Tembakau (0.8%); Hiasan, Perkakasan &

Penyelenggaraan Isi Rumah (0.5%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.5%) meningkat pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 2.6 peratus pada November 2024 (Oktober 2024: 2.3%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.6 peratus (Oktober 2024: 0.6%) disumbangkan oleh inflasi kelas perbelanjaan Daging yang merekodkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus (Oktober 2024: 1.4%).

Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging telah merekodkan kenaikan 4.8 peratus (Oktober 2024: 3.6%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada November 2024 adalah RM10.41 sekilogram berbanding RM9.96 sekilogram pada November 2023 (Oktober 2024: RM10.63). Manakala, purata harga Ayam standard di peringkat Semenanjung Malaysia pada November 2024 adalah RM9.69 sekilogram berbanding RM9.17 sekilogram pada November 2023 (Oktober 2024: RM9.68).

Inflasi kelas perbelanjaan Sayur-sayuran mencatatkan peningkatan lebih perlahan 1.1 peratus pada November 2024 (Oktober 2024: 2.7%). Antara sayur-sayuran yang merekodkan peningkatan lebih perlahan secara asas tahunan pada November 2024 adalah Bunga kubis, 10.3 peratus (Oktober 2024: 16.8%), Brokoli, 8.2 peratus (Oktober 2024: 11.6%) dan Bendi, 1.8 peratus (Oktober 2024: 4.7%). Di samping itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat lebih tinggi kepada 4.8 peratus berbanding 4.1 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang mencatatkan kenaikan lebih tinggi pada November 2024 ialah Ayam goreng, Masakan sayur dan Sate.

Selain itu, inflasi Pengangkutan meningkat perlahan kepada 0.4 peratus pada November 2024 berbanding 0.7 peratus pada Oktober 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat 0.9 peratus pada November 2024 (Oktober 2024: 1.0%). Antara item yang merekodkan kenaikan lebih rendah ialah Perkhidmatan penyelenggaraan kereta, 5.1 peratus (Oktober 2024: 5.4%), Perkhidmatan mencuci

kereta, 4.6 peratus (Oktober 2024: 4.7%) dan Pembaikan motosikal, 3.2 peratus (Oktober 2024: 3.6%). Selain itu, subkumpulan Pembelian kenderaan mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.6 peratus (Oktober 2024: 0.3%) kesan daripada penawaran penurunan harga iaitu diskaun dalam bentuk rebat kepada pembeli kereta baharu.

Inflasi bahan api Diesel dan Petrol tanpa plumbum RON97 masing-masing kekal pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya iaitu 15.0 peratus dan negatif 8.1 peratus. Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM2.95 seliter berbanding RM2.15 seliter pada November 2023 (Oktober 2024: RM2.95). Manakala, purata harga Diesel bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Di samping itu, harga runcit Petrol tanpa plumbum RON97 pada November 2024 adalah pada RM3.19 seliter berbanding RM3.47 seliter pada November 2023 (Oktober 2024: RM3.19).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.8 peratus. Walau bagaimanapun, inflasi bagi lima negeri meningkat melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (2.9%), Pahang (2.4%), Selangor (2.1%), Johor (1.9%) dan Sarawak (1.9%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan dalam inflasi Makanan & Minuman. Kadar tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 4.0 peratus, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.4%), Johor (2.9%), Terengganu (2.8%), Pulau Pinang (2.6%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2.6%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 2.6 peratus pada November 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada November 2024 menurun 0.1 peratus berbanding Oktober 2024. Ini merupakan merupakan penurunan kali pertama semenjak Ogos 2021 yang didorong oleh inflasi kumpulan utama Maklumat & Komunikasi (-2.3%). Ini diikuti oleh inflasi Pengangkutan (-0.2%) dan Pakaian & Kasut (-0.1%). Sementara itu, inflasi teras meningkat dengan kadar yang sama, 1.8 peratus pada November 2024 berbanding Oktober 2024. Peningkatan ini didorong oleh kumpulan utama Makanan & Minuman (3.7%); Penjagaan Diri, Perlindungan

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 20 Disember 2024**

Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.4%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.8%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.8%) lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (2.8%) dan Filipina (2.5%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Indonesia (1.6%), Republik Korea (1.5%), Thailand (1.0%) dan China (0.2%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 DISEMBER 2024

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Disember 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - November 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga November 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, November 2023 - November 2024



Carta 3


Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, November 2023 - November 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Disember 2024


Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Oktober 2024 & November 2024




Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, Oktober 2024 & November 2024



Carta 6


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, November 2023 - November 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Disember 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Oktober 2024 & November 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, November 2023 - November 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Disember 2024

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Oktober 2024 & November 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Oktober 2024 | November 2024

Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, November 2023 - November 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Disember 2024


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



■ Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA NOVEMBER 2024

Malaysia's inflation inclined 1.8 per cent in November 2024

PUTRAJAYA, 20 December 2024 - Malaysia's inflation inclined 1.8 per cent in November 2024 with the index points stood at 133.3 as against 130.9 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), NOVEMBER 2024**.

The increase of inflation in November 2024 was driven by a slower increase in the main groups of Health (1.2%) and Transport (0.4%). Meanwhile, inflation for Food & Beverages increased at a higher rate of 2.6 per cent as compared to 2.3 per cent in October 2024. Besides, the main group of Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels also showed a higher increase in November 2024, 3.2 per cent (October 2024: 3.1%).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that inflation for Information & Communication continued to decrease to a negative 3.9 per cent in November 2024 (October 2024: -1.7%). This was due to the decline in inflation for main subgroup of Information & communication services at negative 4.4 per cent (October 2024: -1.8%). Clothing & Footwear remained at a negative territory and posted negative 0.3 per cent (October 2024: -0.2%). Meanwhile, Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.4%); Restaurant & Accommodation Services (2.8%); Recreation, Sport & Culture (2.0%); Education (1.5%); Alcoholic Beverages & Tobacco (0.8%); Furnishings, Household Equipment & Routine

Household Maintenance (0.5%) and Insurance & Financial Services (0.5%) increased at the same rate as the previous month.

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight increased by 2.6 per cent in November 2024 (October 2024: 2.3%). The main subgroup of Food at home increased by 0.6 per cent (October 2024: 0.6%) due to the inflation in the expenditure class of Meat which recorded an increase of 1.6 per cent (October 2024: 1.4%).

Chicken as the largest component (32.6%) in the expenditure class of Meat recorded an increase of 4.8 per cent (October 2024: 3.6%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for November 2024 was RM10.41 per kilogramme as compared to RM9.96 per kilogramme in November 2023 (October 2024: RM10.63). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for November 2024 was RM9.69 per kilogramme as compared to RM9.17 per kilogramme in November 2023 (October 2024: RM9.68).

Inflation for the expenditure class of Vegetables recorded a slower increase of 1.1 per cent in November 2024 (October 2024: 2.7%). Among the vegetables that recorded a slower increase on a year-on-year basis in November 2024 were Cauliflower, 10.3 per cent (October 2024: 16.8%), Broccoli, 8.2 per cent (October 2024: 11.6%) and Lady's finger, 1.8 per cent (October 2024: 4.7%). Besides, the main subgroup of Food away from home edged up to 4.8 per cent as compared to 4.1 per cent in the previous month. Among the items that recorded a higher increase in November 2024 were Fried chicken, Cooked vegetables and Satay.

Furthermore, inflation for Transport eased to 0.4 per cent in November 2024 as compared to 0.7 per cent in October 2024. The increase was contributed by the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased 0.9 per cent in November 2024 (October 2024: 1.0%). Among the items that recorded a slower increase were Car servicing, 5.1 per cent (October 2024: 5.4%), Car wash services, 4.6 per cent (October 2024: 4.7%) and Repair of motorcycle, 3.2 per cent (October 2024: 3.6%). In addition, the subgroup of Purchase of vehicles recorded a

decline at negative 0.6 per cent (October 2024: 0.3%) due to price reductions offered as rebates to new car buyers.

Inflation for Diesel and Unleaded petrol RON97 remained at the same rate as prior month at 15.0 per cent and negative 8.1 per cent respectively. The average price for Diesel in Peninsular Malaysia was RM2.95 per litre as compared to RM2.15 per litre in November 2023 (October 2024: RM2.95). However, the average price of Diesel for Sabah, Sarawak and Wilayah Persekutuan Labuan remained at RM2.15 per litre. In addition, the average price of Unleaded petrol RON97 in November 2024 was RM3.19 per litre as against RM3.47 per litre in November 2023 (October 2024: RM3.19).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 1.8 per cent. However, inflation for five states were above the national inflation level namely Pulau Pinang (2.9%), Pahang (2.4%), Selangor (2.1%), Johor (1.9%) and Sarawak (1.9%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest rate was recorded by Selangor at 4.0 per cent, followed by Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.4%), Johor (2.9%), Terengganu (2.8%), Pulau Pinang (2.6%) and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2.6%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 2.6 per cent in November 2024.

The overall monthly inflation for November 2024 decreased 0.1 per cent as against October 2024. This is the first decline since August 2021, driven by the inflation in the main group of Information & Communication (-2.3%). This was followed by the inflation for Transport (-0.2%) and Clothing & Footwear (-0.1%). Meanwhile, core inflation increased at the same rate at 1.8 per cent in November 2024 as compared to October 2024. The increase was due to Food & Beverages (3.7%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.4%) and Restaurant & Accommodation Services (2.8%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (1.8%) was lower than inflation in Vietnam (2.8%) and Philippines (2.5%). However, the rate

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, 20 December 2024**

was higher than Indonesia (1.6%), Republic of Korea (1.5%), Thailand (1.0%) and China (0.2%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
20 DECEMBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 20 December 2024

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - November 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to November 2024

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, November 2023 - November 2024




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, November 2023 - November 2024




Chart 4

Inflation by Quadrant, October 2024 & November 2024




Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased $\leq 10\%$, October 2024 & November 2024




Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, November 2023 - November 2024




Chart 7

Inflation by Main Group, October 2024 & November 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, November 2023 - November 2024





Chart 9

Inflation by State, October 2024 & November 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

October 2024 | November 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, November 2023 - November 2024





Chart 11 Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit